KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	18/1/2022 (SELASA)	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JPN SELANGOR			

Pendakian di HSK Selangor dibenarkan bermula Februari



Aktiviti pelancongan pendakian di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di negeri Selangor dibenarkan semula selepas tempoh larangan berakhir pada 31 Januari ini.

SHAH ALAM - Aktiviti pelancongan pendakian di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di negeri Selangor dibenarkan semula pada 1 Februari nanti.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian memaklumkan, aktiviti berkenaan akan dibenarkan semula selepas tempoh larangan berakhir pada 31 Januari ini.

"Larangan mendaki akan tamat hujung bulan ini dan aktiviti mendaki boleh bermula pada 1 Februari nanti," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan peminat dan penganjur sukan serta aktiviti lasak yang berhasrat untuk meneruskan semula aktiviti mereka susulan keadaan cuaca semakin baik.

Pada 31 Disember lalu, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) tidak membenarkan sebarang aktiviti pendakian di dalam HSK di negeri ini bermula 1 Januari.

Pengarahnya, Datuk Ahmad Fadzil Abd Majid dalam satu notis dimuat naik di laman Facebook JPNS dilaporkan berkata, orang ramai yang masih berdegil tidak mematuhi arahan penutupan akan diambil tindakan tegas mengikut Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.